



**PANDUAN PELAKSANAAN LATIHAN MELALUI SKIM PERANTISAN DI BAWAH
SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,
MALAYSIA.**

JANUARI 2018

KANDUNGAN

1.	PENDAHULUAN	1
2.	LATAR BELAKANG	1
3.	TAFSIRAN	2-5
4.	SENARAI RINGKASAN	6
5.	KRITERIA PENTAULIAHAN	
5.1	Kurikulum Latihan	6
5.2	Personel Pentaauliahan	7
5.3	Kemudahan Fizikal dan Infrastruktur	8
5.4	Kelengkapan, peralatan dan bahan latihan	8
6.	Pelaksanaan Latihan	
6.1	Perkara Am	8-9
6.2	Tempoh Latihan	10
7.	Penilaian Perantis	11
8.	Pensijilan	11
9.	Tarikh Kuatkuasa	12
10.	Pembatalan	12

LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran 1 Carta Aliran Pelaksanaan Latihan Melalui Program Perantisan

1. PENDAHULUAN

1.1 Panduan ini adalah merupakan syarat-syarat pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia melalui Skim Perantisan PSMB dan hendaklah dibaca bersama

- a) Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahian Pusat Bertauliah Dibawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan;
- b) Kod Amalan Pentauliahian Program Kemahiran (KAPPK);
- c) Panduan Pendaftaran Pelatih Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia melalui Sistem Pentauliahian;
- d) Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian; dan
- e) Panduan Skim Perantisan yang dikeluarkan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

2. LATARBELAKANG

2.1. Skim Perantisan adalah satu konsep latihan dibawah Persijilan Kemahiran Malaysia yang melibatkan:

- a) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sebagai badan penyelaras dan persijilan;
- b) Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bertindak sebagai pemegang dana;
- c) Penyedia Latihan Kemahiran (PLK) sebagai pusat yang menawarkan latihan;
- d) Syarikat/majikan penaja berdaftar dengan PSMB yang menawarkan latihan secara *customized* kepada perantis yang telah dipilih.

- 2.2. Skim Perantisan bertujuan untuk meningkatkan penawaran tenaga kerja terlatih bagi industri yang ditentukan bersama PSMB dengan industri berkenaan.
- 2.3. Skim ini juga membolehkan majikan yang berdaftar dengan PSMB bergiat aktif dalam aktiviti latihan.
- 2.4. Dibawah skim ini perantis-perantis yang dipilih perlu menjalani kombinasi latihan teori dan amali di pusat bertauliah (*Off-the-job*) bagi memenuhi keperluan NOSS dan latihan praktikal yang berstruktur di premis industri (*On-the-job*).

3. TAFSIRAN

Dalam Panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

“**Akta 652**” ertinya Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006;

“**Daftar Standard**” ertinya satu dokumen yang menyenaraikan tajuk-tajuk pekerjaan bagi semua Standard yang telah diwujudkan di bawah Akta 652;

“**kelayakan**” ertinya apa-apa pengalaman kerja dalam bidang kemahiran tertentu atau apa-apa sijil, diploma, ijazah yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran

“**Ketua Pengarah**” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran;

“**kurikulum latihan**” ertinya kandungan anjuran suatu program latihan yang telah dibuat berdasarkan NOSS oleh suatu penyedia latihan kemahiran yang menunjukkan aktiviti yang dijalankan, masa yang diperuntukkan kepada setiap aktiviti, dan turutannya.

“majikan penaja” ertinya majikan yang telah bersetuju untuk memberi latihan *on-the-job* kepada perantis dibawah program ini dan memerlukan kontrak perantisan selama satu (1) tahun selepas tamat latihan perantisan;

“on-the-job” ertinya latihan yang dilaksanakan ditempat majikan yang menaja calon;

“off-the-job” ertinya latihan yang dilaksanakan Pusat Bertauliah;

“Panel Penilaian Pusat Bertauliah (PPPB)” ertinya satu jawatankuasa yang terdiri daripada personel tertentu PB dengan diketuai oleh PPB untuk memastikan keberkesanan dan kesahihan penilaian yang dilakukan;

“Pegawai Pengesah Dalaman (PPD)” ertinya seseorang yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan, dan ditauliah oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan pengesahan/ penentusahan dalaman hanya di pusat bertauliah yang ditetapkan;

“Pegawai Penilai (PP)” ertinya pengajar di pusat bertauliah yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan ditauliah oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penilaian keterampilan perantis hanya di pusat bertauliah yang ditetapkan;

“Pegawai Pengesah Luaran (PPL)” ertinya seseorang personel yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penentusahan luaran di pusat bertauliah;

“Pengurus Pusat Bertauliah (PPB)” ertinya seseorang yang diberikan kuasa oleh pemilik pusat bertauliah dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk mentadbir pelaksanaan pentauliahan;

“penyelia *OJT*” ertinya seorang penyelia yang dilantik oleh majikan penaja bagi melaksanakan penilaian keterampilan perantis di premis majikan semasa latihan on-the-job berlansung;

“personel pentauliahan” ertinya seseorang yang berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai pengurus pusat bertauliah, pegawai pengesah dalaman atau pegawai penilai, yang terlibat secara langsung dalam sistem jaminan kualiti Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;

“perantis” ertinya seseorang yang berdaftar dengan JPK untuk melaksanakan latihan melalui skim perantisan;

“pentauliahan” ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

“penyedia latihan kemahiran” ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak NOSS berkaitan.

“pihak berkuasa” ertinya mana-mana agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mengesahkan sesuatu premis adalah sah di sisi undang-undang dan selamat untuk menjalankan latihan kemahiran;

“program” ertinya mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam Daftar Standard;

“premis” ertinya mana-mana bangunan atau tempat lain yang digunakan untuk latihan, penginapan dan kemudahan lain untuk perantis dan kakitangan penyedia latihan kemahiran atau pusat bertauliah tetapi tidak termasuk mana-mana tanah yang didudukinya;

“premis industri”; ertinya mana-mana bangunan atau tempat lain yang disediakan oleh majikan penaja bagi tujuan untuk latihan dikenali sebagai *on-the-job*;

“program bertauliah” ertinya program latihan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah;

“Pusat Bertauliah” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu skim perantisan sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil dikenali sebagai *off-the-job*;

“rekod bukti pencapaian” ertinya suatu dokumen yang merekodkan pencapaian calon terhadap tugas-tugas yang berkaitan melalui penilaian yang dilakukan.

“Sijil” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah Seksyen 34 Akta 652;

“Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) (*National Occupational Skill Standard, NOSS*)” ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut yang diwujudkan di bawah Bahagian IV Akta 652;

“tahap” ertinya tingkatan kemahiran dalam satu bidang pekerjaan dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan;

“training guideline” ertinya panduan latihan atau bahan rujukan yang dibangunkan oleh PSMB berdasarkan NOSS terkini.

4. SENARAI RINGKASAN

CU	-	<i>Competency Unit</i>
CA	-	<i>Core Ability</i>
DKM	-	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	-	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
JPk	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
NCS	-	<i>National Competency Standard</i>
NOSS	-	<i>National Occupational Skills Standard</i>
PB	-	Pusat Bertauliah
PLK	-	Penyedia Latihan Kemahiran
PP	-	Pegawai Penilai
PPB	-	Pengurus Pusat Bertauliah
PPD	-	Pegawai Pengesah Dalaman
PPL	-	Pegawai Pengesah Luaran
SKK	-	Standard Keterampilan Kebangsaan
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
SKPK	-	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan

5. KRITERIA PENTAULIAHAN

Sesebuah Penyedia Latihan Kemahiran (PLK) hendaklah ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah (PB) dan memenuhi kriteria berdasarkan Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentaualihan Pusat Bertauliah yang berkuatkuasa berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SPKK) bagi melaksanakan skim perantisan.

5.1. Kurikulum Latihan

- a) Kurikulum latihan bagi skim perantisan ini terbahagi kepada dua (2) iaitu di pusat bertauliah untuk *off-the-job* dan di premis industri untuk *on-the-job*.

- b) Kurikulum latihan di PB untuk *off-the-job* hendaklah dibangunkan mengikut NOSS terkini. PB hendaklah menyediakan kurikulum latihan yang merangkumi seperti berikut:
 - i. Laluan latihan (*Training pathway*);
 - ii. Matriks NOSS;
 - iii. Pakej pembelajaran yang lengkap iaitu *Course of Study* atau *Learning Guide* atau apa-apa pakej pembelajaran yang memenuhi keperluan NOSS;
 - iv. Dokumen penilaian teori dan amali bagi semua modul/CU;
 - v. Pakej Pembelajaran Kebolehan Teras (NCS - *Core Abilities*);
 - vi. Pelan pelaksanaan latihan, jadual latihan mingguan sepanjang tempoh pelaksanaan program latihan dan jadual penilaian merangkumi penilaian berterusan dan peperiksaan akhir.
 - vii. Kurikulum latihan premis industri untuk *on-the-job* adalah dibangunkan mengikut keperluan majikan penaja dan NOSS.

5.2. Personel Pentauliahan

- a) PLK atau PB hendaklah melantik personel pentauliahan mengikut syarat dan peraturan pentauliahan yang berkuatkuasa seperti didalam Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah yang berkuatkuasa berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SPKK);
- b) Majikan penaja hendaklah melantik penyelia OJT bagi melaksanakan penilaian keterampilan perantis di premis majikan semasa latihan *on-the-job* berlangsung mengikut syarat yang ditetapkan oleh PSMB.

5.3. Kemudahan Fizikal dan Infrastruktur

- a) PB hendaklah menyediakan kemudahan fizikal dan infrastruktur yang bersesuaian dan mencukupi serta mewujudkan suasana latihan yang kondusif berdasarkan program yang dipohon .
- b) PB juga digalakkan menyediakan pusat sumber lengkap dengan kemudahan *Information and Communication Technology* (ICT) yang mencukupi.

5.4. Kelengkapan, peralatan dan bahan latihan

- a) PB hendaklah menyediakan kelengkapan, peralatan dan bahan latihan mengikut keperluan NOSS sepenuhnya seperti didalam Panduan dan Syarat Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah yang berkuatkuasa berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SPKK).

6. PELAKSANAAN LATIHAN DAN PENILAIAN

6.1. Perkara Am

- a) Pelaksanaan latihan bagi skim perantisan ini melibatkan kombinasi latihan di PB (*off-the-job*) dan majikan penaja (*on-the-job*).
- b) Pelaksanaan latihan *off-the-job* hendaklah dilaksanakan di premis yang telah ditauliahkan sahaja, manakala latihan *on-the-job* hendaklah dilaksanakan di premis majikan penaja dan perlu memenuhi keperluan dan ketetapan PSMB.

- c) PB hendaklah mengemukakan permohonan kebenaran untuk menjalankan latihan dibawah skim perantisan kepada JPK melalui PSMB.
- d) Setelah pihak JPK mengeluarkan surat kebenaran bagi mengendalikan latihan dibawah skim perantisan, PSMB akan mengeluarkan kouta pengambilan perantis kepada PB.
- e) Urusan berkenaan perlantikan PB, majikan penaja dan perantis adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh PSMB.
- f) PB hendaklah mengemukakan senarai nama perantis kepada PSMB untuk kelulusan dalam tempoh 30 hari bekerja sebelum mendaftarkan perantis-perantis berkenaan dengan JPK.
- g) Proses pendaftaran perantis hendaklah merujuk kepada Panduan Pendaftaran Pelatih Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia melalui Sistem Pentauihan.
- h) PB hendaklah memastikan tempoh pentauihan masih berbaki melebihi **enam (6) bulan** sebelum membuat pengambilan perantis bagi skim perantisan.
- i) PB hendaklah memastikan kapasiti perantis tidak melebihi kapasiti yang telah dibenarkan oleh JPK. Kapasiti yang dibenarkan perlu mengambilkira jumlah pelatih program biasa dan program perantisan.
- j) Pelaksanaan latihan dan penilaian NCS *Core Abilities* perlu dilaksanakan di PB (*off-the-job*) sahaja.

6.2. Tempoh Latihan

- a) PB hendaklah melaksanakan tempoh latihan seperti di dalam jadual 1

Jadual 1: Tempoh Latihan

Tahap	Tempoh Latihan Minimum (jam)
SKM 1	400 ~ 600
SKM 2	400 ~ 600
SKM 3	800 ~ 1200
SKM 2 (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 2)	800 ~ 1200
SKM 3 (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 3)	1600 ~ 2400
DKM	800 ~ 1200 (termasuk projek akhir) + 3 bulan LI
DKM (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 4)	2400 ~ 3600 (termasuk projek akhir) + 3 bulan LI
DLKM	1200 ~ 1800 (termasuk projek akhir) + 3 bulan LI
DLKM (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 5)	3600 ~ 5400 (termasuk projek akhir) + 6 bulan LI

- b) PB hendaklah mematuhi tempoh latihan seperti di Jadual 1, bagaimanapun sekiranya tempoh latihan telah dinyatakan dalam NOSS, PB hendaklah mengikut keperluan tempoh tersebut.
- c) PB hendaklah melaksanakan 70% tempoh jam latihan di PB (*off-the-job*) dan baki 30% jam latihan di majikan penaja (*on-the-job*).

7. PENILAIAN PERANTIS

- 7.1. Perantis wajib menjalani kombinasi latihan di PB (*off-the-job*) dan majikan penaja (*on-the-job*).
- 7.2. Peperiksaan akhir akan dilaksanakan di PB setelah perantis memenuhi keperluan NOSS dan melengkapkan tempoh latihan di PB dan majikan penaja seperti yang ditetapkan.
- 7.3. Penilaian verifikasi luaran dilaksanakan oleh Pegawai Pengesah Luaran (PPL) yang dilantik oleh JPK setelah perantis memenuhi keperluan NOSS dan melengkapkan tempoh latihan yang ditetapkan.

8. PENSIJILAN

Perantis hanya dianugerahkan Sijil setelah memenuhi syarat-syarat berikut :

- a. Memenuhi tempoh latihan seperti yang ditetapkan;
- b. Mencapai tahap keterampilan bagi semua penilaian;
- c. Terampil dalam *National Competency Standard (NCS)-Core Abilities* seperti yang disyaratkan dalam Panduan Pelaksanaan *National Competency Standard (NCS) – Core Abilities*.
- d. Mencapai kehadiran tidak kurang daripada 80% bagi kedua-dua latihan di *off-the-job* dan *on-the-job*.
- e. Bagi yang tidak mencapai tahap keterampilan tiada Sijil akan dikeluarkan oleh Jabatan.

9. TARIKH KUATKUASA

Panduan Pelaksanaan Skim Perantisan di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia 2017 ini mula berkuatkuasa pada **01 Januari 2018** di semua PB yang menawarkan latihan melalui skim perantisan dibawah PSMB.

10. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya panduan perlaksanaan ini, maka Panduan Pelaksanaan Latihan Melalui Skim Perantisan di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia September 2014 adalah terbatal.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

**KETUA PENGARAH
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

CARTA ALIR PERLAKSANAAN PROGRAM PERANTISAN

